



NEGERI JOHOR

TAMBAHAN PERUNDANGAN

Jil. 32
No. 12

9 Jun 1988

*TAMBAHAN No. 6
PERUNDANGAN*

J. P.U. 19

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 [*AKTA 172*]

KAEDAH-KAEDAH RANCANGAN PEMAJUAN (RANCANGAN STRUKTUR DAN RANCANGAN
TEMPATAN) 1987

SUSUNAN KAEDAH

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Kaedah

1. Tajuk ringkas, tarikh berkuatkuasa dan pemakaian.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PEMERIKSAAN

3. Perkara-perkara tambahan yang hendak diperiksa dan sentiasa diulangkaji.
4. Permohonan untuk pemeriksaan bersama kawasan bercantum.
5. Pemeriksaan bersama bagi kawasan bercantum oleh dua atau lebih pihak berkuasa perancang tempatan yang bersempadan.

BAHAGIAN III

DRAF RANCANGAN STRUKTUR

6. Rundingan dengan pihak-pihak berkuasa perancang tempatan yang berhampiran.
7. Penyediaan bersama draf rancangan struktur.
8. Dasar dan cadangan-cadangan am dalam pernyataan bertulis draf rancangan struktur.
9. Perkara-perkara yang hendak di masukkan dalam suatu pernyataan bertulis draf rancangan struktur.
10. Tajuk draf rancangan struktur.
11. Gambarajah dan sisipan.
12. Huraian mengenai nama tanda.
13. Tempoh memulakan tindakan lengkap bagi kawasan tindakan.
14. Menyediakan dan menyampaikan draf rancangan struktur bagi sebahagian daripada kawasan.
15. Publisiti di bawah seksyen kecil (1) (a) seksyen 9.
16. Tempoh untuk membuat rayuan mengikut seksyen 9.
17. Menyampaikan draf rancangan struktur kepada Jawatankuasa Perancang Negeri.
18. Notis menyatakan draf rancangan struktur tersedia ada untuk diperiksa.

19. Notis menarik balik draf rancangan struktur.
20. Notis keputusan Jawatankuasa Perancang Negeri.
21. Notis mengenai penyiasatan tempatan atau pembicaraan berkenaan dengan draf rancangan struktur.
22. Pemberitahu mengenai persetujuan Pihak Berkuasa Negeri.
23. Menyelesaikan percanggahan dalam draf rancangan struktur.
24. Pengubahan draf rancangan struktur.
25. Pengubahsuaian terhadap draf rancangan struktur yang disediakan bersama.

BAHAGIAN IV

DRAF RANCANGAN TEMPATAN

26. Cadangan-cadangan dalam pernyataan bertulis berkenaan dengan draf rancangan tempatan.
27. Perkara-perkara yang hendak dimasukkan dalam pernyataan bertulis berkenaan dengan draf rancangan tempatan.
28. Tajuk dan penyediaan draf rancangan tempatan untuk dikemukakan.
29. Peta, sisipan dan gambarajah.
30. Notis menyatakan draf rancangan tempatan boleh didapati untuk diperiksa.
31. Penyiasatan tempatan atau pembicaraan berkenaan dengan draf rancangan tempatan.
32. Laporan penyiasatan tempatan atau pembicaraan berkenaan dengan draf rancangan tempatan.
33. Perakuan menepati syarat.
34. Menyesuaikan percanggahan dalam draf rancangan tempatan.
35. Pengubahan, pemansuhan atau penggantian draf rancangan tempatan.

BAHAGIAN V

DOKUMEN DAN RANCANGAN YANG BOLEH DIDAPATI DAN DIJUAL

36. Mengadakan salinan-salinan laporan pemeriksaan, cadangan mengenai draf rancangan struktur dan draf rancangan tempatan.
37. Jualan rancangan struktur dan rancangan tempatan.

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 [AKTA 172]

KAEDAH-KAEDAH RANCANGAN PEMAJUAN (RANCANGAN STRUKTUR DAN RANCANGAN
TEMPATAN) 1987

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 17 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172], Pihak Berkuasa Negeri Johor membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Tajuk ringkas, tarikh berkuatkuasa dan pemakaian.

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-kaedah Rancangan Pemajuan (Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan) 1987** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb. Januari, 1987.

(2) Kaedah-kaedah ini hendaklah dipakai bagi semua Pihak Berkuasa Perancang Tempatan dalam Negeri Johor.

Tafsiran.

2. Dalam Kaedah-kaedah ini-

"Akta" ertinya Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976;

"dokumen" termasuklah peta, gambarajah, gambaran atau lain-lain perkara perihal dalam apa-apa bentuk dan, di mana berkenaan, salinan sesuatu dokumen;

"dibuat dengan sempurnanya berhubung dengan bantahan atau perwakilan, ertinya dibuat dengan sempurnanya mengikut notis yang diberi atau disampaikan di bawah kaedah-kaedah ini;

"pegawai berkuasa" berhubung dengan perakuan sesuatu dokumen sebagai salinan benar, ertinya pegawai yang dilantik secara bertulis bagi maksud itu oleh pihak berkuasa perancang tempatan;

"pernyataan bertulis" berhubung dengan draf rancangan struktur, ertinya pernyataan bertulis yang dikehendaki oleh seksyenkecil (3) seksyen (8) Akta, dan berhubung dengan draf rancangan tempatan, pernyataan bertulis yang dikehendaki oleh seksyenkecil (3) seksyen 12 Akta;

"salinan yang diperakui" ertinya salinan yang diperakui oleh pihak berkuasa perancang tempatan sebagai salinan benar.

BAHAGIAN II

PEMERIKSAAN

Perkara-perkara tambahan yang hendak diperiksa dan sentiasa diulangkaji.

3. (1) Menurut perenggan (e) seksyenkecil (3) seksyen 7 Akta, perkara-perkara yang dibentangkan dalam Jadual Pertama adalah ditetapkan sebagai perkara-perkara tambahan yang hendak di periksa dan sentiasa diulangkaji di bawah seksyen-seksyen kecil (1) dan (2) seksyen tersebut.

(2) Pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah, bagi tujuan melaksanakan tugas-tugasnya, berunding dengan pihak berkuasa perancang tempatan yang lain.

Permohonan untuk pemeriksaan bersama kawasan bercantum.

4. Mana-mana dua atau lebih pihak berkuasa perancang tempatan yang bersempadan boleh memohon kepada Jawatankuasa Perancang Negeri kelulusannya untuk menganggap kawasan-kawasan atau sebahagian kawasan-kawasan berkenaan sebagai kawasan bercantum; dan sekiranya Jawatankuasa Perancang Negeri meluluskan, pihak-pihak berkuasa berkenaan-

(a) boleh memulakan pemeriksaan bersama ke atas kawasan Jawatankuasa Perancang Negeri satu laporan pemeriksaan bercantum mengikut seksyen 17 Akta;

(b) boleh secara bersama menyedia dan menyerahkan kepada tersebut di bawah seksyen 7 Akta.

Pemeriksaan bersama bagi kawasan bercantum oleh dua atau lebih pihak berkuasa perancang tempatan yang bersempadan.

5. (1) Berhubung dengan pemeriksaan ke atas kawasan bercantum, perkara-perkara yang perlu diperiksa dan diulangkaji mengikut seksyenkecil (3) seksyen 7 Akta hendaklah dipakai terhadap kawasan bercantum pada keseluruhannya dan kawasan berhampiran hendaklah ditafsirkan sebagai kawasan bersempadan kepada kawasan bercantum.

(2) Jika sesuatu pemeriksaan telah dijalankan, tiap-tiap pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah dianggap sebagai telah mematuhi kehendak-kehendak di bawah seksyenkecil (1) seksyen 7 Akta.

(3) Berhubung dengan pemeriksaan bersama ke atas kawasan bercantum, pihak-pihak berkuasa perancang tempatan berkenaan hendaklah secara bersama berunding dengan pihak berkuasa perancang tempatan yang bersempadan seperti yang dikehendaki mengikut seksyenkecil (4) seksyen 7 Akta.

BAHAGIAN III

DRAF RANCANGAN STRUKTUR

Rundingan dengan pihak-pihak berkuasa perancang tempatan yang berhampiran.

6. Apabila menyediakan suatu draf rancangan struktur, pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah berunding dengan semua pihak berkuasa perancang tempatan yang kawasan-kawasannya mempunyai sempadan bersama dengan kawasan berkaitan dengan rancangan itu mengenai perkara-perkara yang dicadang hendaklah dimasukkan dalam rancangan itu.

Penyediaan bersama draf rancangan struktur.

7. (1) Mana-mana dua atau lebih pihak berkuasa perancang tempatan yang bersempadan boleh dengan persetujuan jawatankuasa Perancang Negeri, dan sekiranya diarah, menyedia dan menyerahkan suatu draf rancangan struktur bersama yang meliputi kawasan-kawasan mereka yang bercantum atau sebahagian dari kawasan mereka yang bercantum.

(2) Apabila mana-mana dua atau lebih pihak berkuasa perancang tempatan yang bersempadan menyediakan suatu draf rancangan struktur bersama, tiap-tiap pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah mematuhi kehendak-kehendak seksyenkecil (2) seksyen 9 Akta bagi kawasan-kawasan berkenaan.

Dasar dan cadangan-cadangan am dalam pernyataan bertulis draf rancangan struktur.

8. (1) Dasar yang diterangkan dalam pernyataan bertulis draf rancangan struktur hendaklah berkaitan dengan perkara-perkara yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Kedua sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh pihak berkuasa perancang tempatan.

(2) Dasar dan cadangan-cadangan am yang diterangkan dalam pernyataan bertulis draf rancangan struktur hendaklah diperihalkan supaya mudah dicamkan daripada kandungan-kandungannya yang lain.

(3) Suatu pernyataan bertulis draf rancangan struktur hendaklah termasuk justifikasi yang mempunyai alasan yang munasabah tentang dasar dan cadangan-cadangan am yang diterangkan di dalamnya.

Perkara-perkara yang hendak di masukkan dalam suatu pernyataan bertulis draf rancangan struktur.

9. Selain dari perkara-perkara lain yang hendak dimasukkan di dalamnya oleh Akta itu dan oleh kaedah-kaedah ini, suatu pernyataan bertulis draf rancangan struktur hendaklah mengandungi perkara-perkara yang diperihalkan dalam Bahagian II Jadual Kedua.

Tajuk draf rancangan struktur.

10. Suatu draf rancangan struktur hendaklah diberi tajuk yang mana hendaklah termasuk nama pihak berkuasa perancang tempatan, dan, jika rancangan itu berkaitan dengan hanya, sebahagian daripada kawasan pihak berkuasa perancang tempatan, dengan menunjukkan kawasan yang dimaksudkan oleh rancangan itu; dan tiap-tiap satu dokumen yang terkandung di dalam atau disertakan bersama dengan draf rancangan struktur hendaklah mengandungi tajuk rancangan itu.

Gambarajah dan sisipan.

11. (1) Suatu draf rancangan struktur hendaklah mengandungi atau disertai dengan suatu gambarajah, yang disebut gambarajah punca, sebagaimana difikirkan praktik oleh pihak berkuasa perancang tempatan, yang menunjukkan dasar dan cadangan-cadangan am yang diterangkan dalam pernyataan bertulis itu.

(2) Walau apa pun peruntukan perenggan (1) dasar dan cadangan-cadangan am bagi mana-mana bahagian kawasan yang dimaksudkan oleh draf rancangan struktur boleh, dari ditunjukkan di atas gambarajah punca, ditunjukkan di atas sisipan, dan tempat sesuatu sisipan itu hendaklah ditunjukkan di atas gambarajah punca itu.

(3) Sesuatu gambarajah atau sisipan yang terkandung dalam, atau disertakan bersama dengan, draf rancangan struktur tidaklah boleh dibuat atas kaki peta.

Huraian mengenai nama tanda.

12. Sesuatu gambarajah atau sisipan yang terkandung dalam, atau disertakan bersama dengan, suatu draf rancangan struktur hendaklah termasuk suatu huraian mengenai nama tanda yang digunakan di atasnya.

Tempoh memulakan tindakan lengkap bagi kawasan tindakan.

13. Mengikut seksyenkecil (5) seksyen 8 Akta, tempoh lima tahun dari tarikh sesuatu draf rancangan struktur dipersetujui oleh Pihak Berkuasa Negeri adalah ditetapkan sebagai tempohnya untuk memulakan tindakan lengkap sesuatu kawasan tindakan yang ditunjukkan dalam rancangan itu.

Menyediakan dan menyampaikan draf rancangan struktur bagi sebahagian daripada kawasan.

14. Jawatankuasa Perancang Negeri boleh, mengikut seksyenkecil (7) seksyen 8 Akta, memberi persetujuan atau arahan untuk menyediakan dan menyampaikan draf rancangan struktur bagi sebahagian daripada kawasan pihak berkuasa perancang tempatan walaupun penyediaan draf rancangan struktur bagi keseluruhan kawasan itu belum lagi dimulakan atau bahawa draf rancangan struktur bagi keseluruhan kawasan tersebut belum lagi disampaikan kepada Jawatankuasa itu.

Publisiti di bawah seksyen kecil (1) (a) seksyen 9.

15. Langkah-langkah untuk memastikan bahawa publisiti diberi mengikut seksyenkecil (1) (a) seksyen 9 Akta mengenai laporan pemeriksaan dan mengenai perkara-perkara yang dicadangkan oleh pihak berkuasa perancang tempatan untuk dimasukkan ke dalam draf rancangan struktur hendaklah termasuk-

(a) menyiarkan dalam tiga keluaran dari sekurang-kurangnya dua akhbar tempatan, satu daripadanya ialah dalam bahasa kebangsaan, suatu notis menyatakan bahawa salinan-salinan laporan dan cadangan-cadangan itu tersedia ada untuk diperiksa di tempat yang dinyatakan dalam notis itu; dan

(b) menyediakan salinan-salinan laporan dan cadangan-cadangan yang tersedia ada untuk diperiksa di tempat yang dinyatakan dalam notis itu selama sekurang-kurangnya satu bulan.

Tempoh untuk membuat rayuan mengikut seksyen 9.

16. Tempohnya rayuan berkenaan dengan perkara-perkara yang dicadang hendak dimasukkan dalam draf rancangan struktur boleh dibuat kepada pihak berkuasa perancang tempatan mengikut seksyen 9 Akta iaitu satu bulan dari tarikh pertama kali tersiaranya notis di bawah kaedah 15 (a) dalam akhbar tempatan dalam bahasa kebangsaan.

Menyampaikan draf rancangan struktur kepada Jawatankuasa Perancang Negeri.

17. (1) Suatu draf rancangan struktur hendaklah disediakan dalam dua salinan dan dianggap sebagai salinan asal.

(2) Satu salinan hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri berserta dengan beberapa salinannya yang diperakui sebagaimana diarahkan oleh Jawatankuasa dan suatu pernyataan yang mengandungi butir-butir mengenai perkara-perkara yang dinyatakan dalam perenggan (a) dan (b) seksyenkecil (4) seksyen 9 Akta; satu salinan hendaklah disimpan oleh pihak berkuasa perancang tempatan.

Notis menyatakan draf rancangan struktur tersedia ada untuk diperiksa.

18. (1) Notis yang hendak disiarkan menurut seksyenkecil (2) (a) seksyen 9 Akta hendaklah seperti dalam Borang 1 Jadual Keempat.

(2) Jika draf rancangan struktur dikemukakan semula kepada Jawatankuasa Perancang Negeri sebagaimana diarahkan di bawah seksyenkecil (5) (b) seksyen 9 Akta, notis di bawah seksyenkecil (2) (a) seksyen 9 Akta, hendaklah seperti dalam Borang 2 Jadual Keempat.

Notis menarik balik draf rancangan struktur.

19. Notis yang hendak disiarkan menurut seksyenkecil (7) seksyen 9 Akta hendaklah seperti dalam Borang 3 Jadual Keempat.

Notis keputusan Jawatankuasa Perancang Negeri.

20. Jawatankuasa Perancang Negeri hendaklah memberitahu pihak berkuasa perancang tempatan secara bertulis mengenai keputusannya di bawah seksyenkecil (1) seksyen 10 Akta atas draf rancangan struktur dan mengenai apa-apa ubahsuaian yang dibuat kepada rancangan itu semasa meluluskannya.

Notis mengenai penyiasatan tempatan atau pembicaraan berkenaan dengan draf rancangan struktur.

21. Jika Jawatankuasa Perancang Negeri itu bertujuan hendak mengadakan suatu penyiasatan tempatan atau lain-lain pembicaraan menurut seksyenkecil (3) (c) seksyen 10 Akta, Jawatankuasa itu hendaklah sekurang-kurangnya enam minggu sebelum tarikh penyiasatan atau pembicaraan itu, memberi notis melalui iklan tentang tujuannya hendak mengadakan penyiasatan atau pembicaraan itu dan sesuatu penyiasatan atau pembicaraan itu hendaklah dibuka kepada awam.

Pemberitahu mengenai persetujuan Pihak Berkuasa Negeri.

22. Jawatankuasa Perancang Negeri hendaklah memberitahu pihak berkuasa perancang tempatan secara bertulis mengenai persetujuan Pihak Berkuasa Negeri tentang draf rancangan struktur sebaik sahaja diberitahu mengenainya.

Menyelesaikan percanggahan dalam draf rancangan struktur.

23. Berkenaan dengan apa-apa percanggahan dalam draf rancangan struktur di antara pernyataan bertulis dan mana-mana dokumen lain yang menjadi sebahagian daripada rancangan itu, peruntukan-peruntukan pernyataan bertulis itu hendaklah mengatasi.

Pengubahan draf rancangan struktur.

24. Peruntukan-peruntukan kaedah-kaedah ini berhubung dengan draf rancangan struktur hendaklah dipakai, dengan apa-apa ubahsuaian yang perlu, berhubung dengan cadangan-cadangan untuk mengubah draf rancangan struktur itu sebagaimana ia dipakai berhubung dengan rancangan struktur.

Pengubahsuaian terhadap draf rancangan struktur yang disediakan bersama.

25. Apa-apa pengubahsuaian yang hendak dibuat terhadap draf rancangan struktur yang disediakan bersama bolehlah dibuat oleh mana-mana pihak berkuasa perancang tempatan dan peruntukan seksyenkecil (2) seksyen 11 Akta hendaklah berkuatkuasa.

BAHAGIAN IV

DRAF RANCANGAN TEMPATAN

Cadangan-cadangan dalam pernyataan bertulis berkenaan dengan draf rancangan tempatan.

26. (1) Cadangan-cadangan yang dibuat dalam pernyataan bertulis berkenaan dengan draf rancangan tempatan hendaklah berhubung dengan apa-apa perkara yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Ketiga sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh pihak berkuasa perancang tempatan.

(2) Cadangan-cadangan yang dibuat dalam suatu pernyataan bertulis berkenaan dengan draf rancangan tempatan hendaklah diperihalkan supaya mudah dicamkan daripada kandungan-kandungan yang lain.

(3) Suatu pernyataan bertulis berkenaan dengan draf rancangan tempatan hendaklah termasuk suatu justifikasinya yang bersebab tentang cadangan-cadangan yang dibuat di dalamnya dan mengenai alternatif-alternatif cadangan-cadangan itu.

Perkara-perkara yang hendak dimasukkan dalam pernyataan bertulis berkenaan dengan draf rancangan tempatan.

27. Selain dari perkara-perkara lain yang dikehendaki dimasukkan di dalamnya oleh Akta dan oleh kaedah-kaedah ini, suatu pernyataan bertulis berkenaan dengan draf rancangan tempatan hendaklah mengandungi perkara-perkara yang diperihalkan dalam Bahagian II Jadual Ketiga.

Tajuk dan penyediaan draf rancangan tempatan untuk dikemukakan.

28. (1) Suatu draf rancangan tempatan hendaklah diberi tajuk yang mana hendaklah termasuk nama pihak berkuasa perancang tempatan yang menyediakan rancangan itu dan, jika rancangan itu berkaitan dengan hanya sebahagian

daripada kawasan pihak berkuasa perancang tempatan, suatu tanda tentang kawasan yang dimaksudkan oleh rancangan itu; dan tiap-tiap satu dokumen yang terkandung dalam atau disertakan dengan suatu draf rancangan struktur hendaklah mengandungi tajuk rancangan itu.

(2) Suatu draf rancangan tempatan hendaklah disediakan dalam dua salinan dan dianggap sebagai salinan asal di mana satu salinan hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri tidak lewat dari tarikh di mana notis telah mula diberi mengikut kaedah 30 dan satu lagi salinan hendaklah disimpan oleh pihak berkuasa perancang tempatan.

(3) Pihak Berkuasa Perancang Tempatan dalam mengemukakan salinan draf rancangan tempatan di bawah kaedah ini hendaklah juga menyerahkan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri satu pernyataan tindakan-tindakan yang diambil seperti yang dinyatakan di bawah seksyen-seksyenkecil (1) dan (2) seksyen 13 Akta.

Peta, sisipan dan gambarajah.

29. (1) Peta yang terkandung dalam suatu draf rancangan tempatan menurut seksyenkecil (3) seksyen 12 Akta hendaklah disebut peta cadangan hendaklah-

(a) disediakan atas asas peta yang dicetak ulang dari, atau berdasarkan pada, lembaran pemeriksaan;

(b) mengandungi suatu rujukan mengenai apa-apa pernyataan bertulis yang dimaksudkan oleh peta itu; dan

(c) tertakluk kepada perenggan (2), disediakan ikut skala sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh pihak berkuasa perancang tempatan atau sebagaimana yang diarahkan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri.

(2) Cadangan-cadangan bagi mana-mana bahagian kawasan yang dimaksudkan oleh draf rancangan tempatan boleh ditunjukkan ikut skala yang lebih besar atas sisipan yang disediakan mengikut perenggan (1) (a); dan cadangan-cadangan yang ditunjukkan atas sesuatu sisipan boleh ditunjukkan atas peta cadangan dengan menunjukkan di atasnya sempadan sisipan itu.

(3) Sesuatu peta yang menjadi sebahagian daripada draf rancangan tempatan hendaklah menunjukkan skala yang peta itu telah disediakan; dan sesuatu peta atau gambarajah yang terkandung di dalam, atau disertakan dengan, suatu draf rancangan tempatan hendaklah termasuk apa-apa penerangan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh pihak berkuasa perancang tempatan mengenai nama tanda yang digunakan di atasnya.

(4) Selain dari perkara-perkara lain yang ditunjukkan di atasnya, suatu peta cadangan hendaklah menunjukkan sempadan sesuatu kawasan pembangunan bandar.

Notis menyatakan draf rancangan tempatan boleh didapati untuk diperiksa.

30. Notis yang hendak disiarkan menurut seksyenkecil (2) seksyen 13 Akta hendaklah seperti dalam Borang 4 Jadual Keempat.

Penyiasatan tempatan atau pembicaraan berkenaan dengan draf rancangan tempatan.

31. (1) Suatu penyiasatan tempatan atau lain-lain pembicaraan yang diadakan menurut seksyenkecil (1) seksyen 14 Akta hendaklah dibuka kepada orang ramai.

(2) Jika sesuatu penyiasatan tempatan atau pembicaraan hendaklah diadakan, pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah, sekurang-kurangnya enam minggu sebelum tarikh penyiasatan atau pembicaraan itu, memberi notis mengenainya melalui iklan dalam Borang 5 Jadual Keempat, dan hendaklah menghantar suatu notis mengandungi syarat-syarat yang sama kepada mana-mana orang yang bantahan atau rayuannya telah dibuat dengan sempurnanya dan tidak ditarikbalik dan kepada mana-mana orang lain yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa perancang tempatan.

Laporan penyiasatan tempatan atau pembicaraan berkenaan dengan draf rancangan tempatan.

32. Jika, bagi maksud menimbang bantahan terhadap, dan rayuan berkenaan dengan sesuatu draf rancangan tempatan, suatu penyiasatan tempatan atau lain-lain pembicaraan diadakan, maka pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah, sebagai sebahagian daripada pertimbangan terhadap bantahan dan rayuan itu, menimbang laporan jawatankuasa yang di lantik di bawah seksyenkecil (1) seksyen 14 Akta untuk mengadakan penyiasatan atau pembicaraan dan memutuskan sama ada hendak mengambil apa-apa tindakan atau tidak berkenaan dengan rancangan itu memandang kepada laporan dan tiap-tiap syor, jika ada, yang terkandung di dalamnya; dan pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah menyediakan suatu pernyataan mengenai keputusannya kepada Jawatankuasa Perancang Negeri.

Perakuan menepati syarat.

33. Sesuatu draf rancangan tempatan apabila diterima pakai hendaklah mengandungi suatu perakuan pihak berkuasa perancang tempatan yang bermaksud bahawa ia pada umumnya menepati draf rancangan struktur yang dimaksudkan oleh draf rancangan tempatan itu.

Menyesuaikan percanggahan dalam draf rancangan tempatan.

34. Dalam hal sesuatu percanggahan dalam draf rancangan tempatan di antara pernyataan bertulis dengan apa-apa dokumen lain yang menjadi sebahagian daripada rancangan itu, peruntukan-peruntukan pernyataan bertulis itu hendaklah mengatasi.

Pengubahan, pemansuhan atau penggantian draf rancangan tempatan.

35. Peruntukan-peruntukan kaedah-kaedah ini berhubung dengan draf rancangan tempatan hendaklah dipakai, dengan apa-apa ubahsuaian yang perlu, berhubung dengan cadangan-cadangan untuk mengubah, memansuhkan, atau menggantikan sesuatu draf rancangan tempatan sebagaimana yang dipakai berhubung dengan penyediaan suatu draf rancangan tempatan.

BAHAGIAN V

DOKUMEN DAN RANCANGAN YANG BOLEH DIDAPATI DAN DIJUAL

Mengadakan salinan-salinan laporan pemeriksaan, cadangan mengenai draf rancangan struktur dan draf rancangan tempatan.

36. Pihak berkuasa perancang tempatan boleh, atas permintaan mana-mana orang dan atas pembayaran apa-apa fee sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa perancang tempatan, memberi orang itu salinan-salinan-

(a) laporan pemeriksaan yang publisiti mengenai sedang atau telah diberi menurut seksyenkecil (1) (a) seksyen 9 Akta, atau mana-mana bahagian laporan itu;

(b) cadangan pihak berkuasa perancang tempatan berhubung dengan perkara-perkara yang hendak dimasukkan dalam draf rancangan struktur, sebagai perkara-perkara yang publisiti mengenainya sedang atau telah diberi menurut seksyenkecil (1) (a) seksyen 9 Akta, atau apa-apa dokumen yang mengandungi mana-mana perkara itu; atau

(c) apa-apa draf rancangan tempatan yang boleh didapati untuk diperiksa di bawah seksyenkecil (1) seksyen 13 Akta.

Jualan rancangan struktur dan rancangan tempatan.

37. Pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah menyediakan salinan-salinan rancangan struktur dan rancangan tempatan untuk dijual kepada orang ramai.

JADUAL PERTAMA

[Kaedah 3 (1)]

PERKARA-PERKARA TAMBAHAN YANG AKAN DIPERIKSA DAN SENTIASA DIULANGKAJI

1. Perubahan-perubahan terbaru dan aliran penduduk.
2. Perubahan-perubahan terbaru dan aliran guna tenaga mengikut sektor, jantina, bangsa dan pekerjaan.
3. Perubahan-perubahan terbaru dan aliran pengangguran mengikut jantina dan keturunan.
4. Pertaburan dan takat, dan aliran terbaru, penglibatan, dan kekangan dalam perindustrian dan perdagangan.
5. Pertaburan dan takat, dan aliran terbaru, perlibatan, dan kekangan dalam perumahan.
6. Pertaburan dan takat, dan aliran terbaru, perlibatan, dan kekangan dalam, perkhidmatan sosial dan kemasyarakatan seperti pendidikan, kesihatan, balai raya, keselamatan, balai bomba, tempat beribadat, dan kemudahan-kemudahan rekreasi.
7. Pertaburan dan takat, dan aliran terbaru, perlibatan, dan kekangan dalam, perkhidmatan utiliti seperti elektrik, air, kumbahan dan pembentungan.
8. Status kualiti alam sekitar termasuk pemeliharaan, pengekalan seni bandar dan seni taman.
9. Punca galian.

10. Semua perkara yang tersebut di atas berhubung dengan kawasan-kawasan yang berhampiran, setakat yang ianya dijangka akan menjejaskan kawasan pihak berkuasa perancang tempatan.

JADUAL KEDUA

[Kaedah 8 (1) dan 9]

KANDUNGAN PERNYATAAN BERTULIS DRAF RANCANGAN STRUKTUR

BAHAGIAN I

[Kaedah 8 (1)]

PERKARA-PERKARA YANG DASAR MENGENAINYA DITERANGKAN DALAM PERNYATAAN BERTULIS DRAF RANCANGAN STRUKTUR YANG DIKEHENDAKI DIMAKSUDKAN

1. Pertaburan penduduk dan pekerjaan.
2. Perumahan.
3. Pertanian.
4. Perindustrian dan perdagangan.
5. Perkedaian.
6. Pengangkutan.

7. Pendidikan.

8. Perkhidmatan-perkhidmatan sosial dan kemasyarakatan lain.

9. Rekreasi dan masa rehat.

10. Alam sekitar termasuk pemeliharaan, pengkalan seni bandar dan seni taman.

11. Perkhidmatan utiliti dan infrastruktur.

12. Pentadbiran institusi dan kewangan.

BAHAGIAN II

[Kaedah 9]

PERKARA-PERKARA YANG DIKEHENDAKI TERKANDUNG DALAM PERNYATAAN BERTULIS DRAF RANCANGAN STRUKTUR

Apa-apa penandaan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh pihak berkuasa perancang tempatan bagi butiran-butiran berikut:

1. Struktur yang sedia ada bagi kawasan yang dimaksudkan oleh rancangan itu dan keperluan-keperluan kini dan peluang-peluang untuk perubahan.

2. Apa-apa perubahan yang telah diunjurkan, atau mungkin berlaku, yang boleh secara matan menyentuh perkara-perkara yang diuruskan dalam rancangan itu, dan kesan yang mungkin terdapat dengan perubahan itu.

3. Setakat mana, jika ada, pembangunan bandar sedang atau hendak, dijalankan dalam kawasan yang dimaksudkan oleh rancangan itu.

4. Saiz, komposisi, dan pertaburan penduduk dan keadaan pekerjaan yang sedia ada dalam kawasan yang dimaksudkan oleh rancangan itu, dan anggaran perkara-perkara tersebut di masa-masa akan datang sebagaimana yang difikirkan berkaitan oleh pihak berkuasa perancang tempatan dalam menyediakan dasar-dasar rancangan itu, bersama dengan andaian yang menjadi asas anggaran itu.

5. Perhatian pihak berkuasa perancang tempatan terhadap dasar semasa berkenaan dengan perancangan dan pembangunan ekonomi kawasannya secara keseluruhan.

6. Perhatian pihak berkuasa perancang tempatan terhadap dasar semasa berkenaan dengan perancangan sosial dan ekonomi dan dengan pembangunan dan perlindungan kesekitaran Negeri dan Negara.

7. Kriteria yang luas yang akan dipakai mengenai kawalan pembangunan dalam kawasan itu, atau mana-mana bahagian dalam kawasan itu, yang dimaksudkan oleh rancangan itu.

8. Pertimbangan yang menjadi asas sesuatu butiran utama dasar yang disediakan dalam rancangan itu mengenai perkara-perkara kepentingan bersama kepada pihak berkuasa perancang tempatan yang mana rancangan itu disediakan olehnya dan pihak berkuasa perancang tempatan bagi kawasan yang berhampiran dan sejauh mana rundingan telah diadakan di antara pihak-pihak berkuasa yang berkenaan itu.

9. Perhatian pihak berkuasa perancang tempatan terhadap punca yang mungkin boleh didapati bagi menjalankan cadangan-cadangan rancangan itu.

JADUAL KETIGA

[Kaedah 26 (1) dan 27]

KANDUNGAN PERNYATAAN BERTULIS DRAF RANCANGAN TEMPATAN

BAHAGIAN I

[Kaedah 26 (1)]

PERKARA-PERKARA YANG CADANGAN-CADANGAN MENGENAINYA DALAM PERNYATAAN
BERTULIS DRAF RANCANGAN TEMPATAN DIKEHENDAKI DIMAKSUDKAN

1. Pertaburan penduduk dan pekerjaan.

2. Perumahan.

3. Pertanian.

4. Perindustrian dan perdagangan.

5. Perkedaaian.

6. Pengangkutan.

7. Pelajaran.

8. Perkhidmatan-perkhidmatan sosial dan kemasyarakatan lain.

9. Rekreasi dan masa rehat.

10. Alam sekitar termasuk pemeliharaan, pengkalan seni bandar dan seni taman.

11. Perkhidmatan utiliti dan infrastruktur.

BAHAGIAN II

[Kaedah 27]

PERKARA-PERKARA YANG DIKEHENDAKI TERKANDUNG DALAM PERNYATAAN BERTULIS DRAF RANCANGAN TEMPATAN

(a) Apa-apa penandaan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh pihak berkuasa perancang tempatan bagi butir-butiran yang berikut:

1. Ciri, bentuk, dan fungsi pembangunan yang sedia ada dan lain-lain penggunaan tanah dalam kawasan yang dimaksudkan oleh rancangan itu dan keperluan-keperluan kini dan peluang-peluang untuk perubahan.

2. Apa-apa perubahan yang diunjurkan, atau mungkin berlaku, yang boleh secara matan menyentuh perkara-perkara yang diuruskan dalam rancangan itu, dan kesan yang mungkin terdapat dengan perubahan itu.

3. Kriteria yang akan dipakai mengenai pembangunan dalam kawasan itu, atau mana-mana bahagian dalam kawasan itu, yang dimaksudkan oleh rancangan itu.

4. Perhatian pihak berkuasa perancang tempatan terhadap bahan-bahan yang mungkin boleh didapati bagi menjalankan cadangan-cadangan rancangan itu.

(b) Perkara-perkara yang berikut:

1. Suatu pernyataan lengkap mengenai dasar kebangsaan, sosial dan ekonomi, dan pertimbangan dan perhatian pihak berkuasa perancang tempatan terhadap dasar-dasar dan pertimbangan-pertimbangan tersebut.

2. Syor-syor tentang cara dan peringkat pelaksanaan cadangan-cadangan rancangan itu.

3. Suatu pernyataan dalam bentuk ringkasan mengenai perhubungan di antara cadangan-cadangan rancangan dan cadangan-cadangan struktur.

BORANG 1

[Kaedah 18(1)]

NOTIS TENTANG DRAF RANCANGAN STRUKTUR YANG BOLEH DIDAPATI UNTUK DIPERIKSA

(Tajuk draf rancangan struktur)

Salinan draf rancangan struktur yang tersebut di atas, yang telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri untuk kelulusannya pada (*tarikh*) boleh didapati untuk diperiksa di

..... (pejabat pihak berkuasa perancang tempatan) dan di
(lain-lain tempat)

Rancangan itu adalah berkaitan dengan *keseluruhan kawasan (nama pihak berkuasa perancang tempatan)/sehingga ke bahagian kawasan (nama pihak berkuasa perancang tempatan) yang umumnya dikenali sebagai (nama bahagian itu)

Bantahan terhadap rancangan itu bolehlah dibuat secara bertulis kepada Jawatankuasa Perancang Negeri sebelum
+ (tarikh)

Bantahan hendaklah dialamatkan kepada (Sekretariat Jawatankuasa)

Bantahan itu hendaklah menyatakan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dan alasan-alasan atas mana bantahan itu dibuat.

Tarikh

METERI.....

Pegawai Berkuasa

*Potong mana yang tidak berkenaan.

+Tarikh ini tidak boleh lebih awal daripada satu bulan selepas mula-mula sekali tersiarnya notis ini dalam suratkhbar tempatan dalam bahasa kebangsaan.

BORANG 2

[Kaedah 18(2)]

NOTIS TENTANG DRAF RANCANGAN STRUKTUR YANG BOLEH DIDAPATI (SEPERTI YANG
DIKEMUKAKAN SEMULA) UNTUK DIPERIKSA

(Tajuk Draf Rancangan Struktur)

Salinan draf rancangan struktur yang tersebut di atas, yang telah dikemukakan semula kepada Jawatankuasa Perancang Negeri untuk kelulusannya pada (*tarikh*) sebagaimana diarahkan olehnya di bawah seksyenkecil (5) (b) seksyen 9 Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976, boleh didapati untuk diperiksa di (*pejabat pihak berkuasa perancang tempatan*) dan di (*lain-lain tempat*) berkaitan dengan *keseluruhan kawasan (*nama pihak berkuasa perancang tempatan*) sehingga ke bahagian kawasan (*nama pihak berkuasa perancang tempatan*) yang umumnya dikenali sebagai (*nama bahagian itu*)

Bantahan terhadap rancangan ini boleh dibuat secara bertulis kepada Jawatankuasa Perancang Negeri sebelum +
..... (*tarikh*)

Bantahan itu hendaklah dialamatkan kepada (*Sekretariat Jawatankuasa*)

Bantahan itu hendaklah menyatakan perkara-perkara yang berhubung dengan perkara-perkara yang berhubung dengannya dan alasan-alasan atas mana-mana bantahan itu dibuat.

Tarikh

METERI.....

Pegawai Berkuasa

*Potong mana yang tidak berkenaan.

⁺Tarikh ini tidak boleh lebih awal daripada satu bulan selepas mula-mula sekali tersiarnya notis ini dalam suratkhbar tempatan dalam bahasa kebangsaan.

BORANG 3

[Kaedah 19]

NOTIS MENARIKBALIK DRAF RANCANGAN STRUKTUR

(Tajuk Draf Rancangan Struktur)

Draf rancangan struktur yang tersebut di atas, yang telah dikemukakan untuk kelulusan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri untuk kelulusannya pada (*tarikh*) telah dikembalikan kepada (*nama pihak berkuasa perancang tempatan*) oleh Jawatankuasa itu dan pihak berkuasa perancang tempatan telah diarahkan, menurut seksyenkecil (5) seksyen 9 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, untuk mengambil tindakan tertentu yang selanjutnya dan, selepas berbuat sedemikian, mengemukakan semula rancangan itu kepada Jawatankuasa itu dengan apa-apa ubahsuaian, jika ada, sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh pihak berkuasa perancang tempatan.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa salinan-salinan rancangan tersebut boleh didapati untuk pemeriksaan telah ditarikbalik.

Selepas rancangan itu dikemukakan semula, bantahan-bantahan yang dibuat terhadap rancangan itu sebagaimana yang dikemukakan pada asalnya akan dipertimbangkan dan akan terdapatlah peluang untuk membuat bantahan-bantahan terhadap rancangan sebagaimana dikemukakan semula itu.

Tarikh

METERI.....

Pegawai Berkuasa

BORANG 4

(Kaedah 30)

NOTIS TENTANG DRAF RANCANGAN STRUKTUR YANG BOLEH DIDAPATI UNTUK DIPERIKSA

(Tajuk Draf Rancangan Tempatan)

Salinan-salinan draf rancangan tempatan akan mula boleh didapati untuk pemeriksaan pada (*tarikh*) di (*pejabat pihak berkuasa perancang tempatan*) dan di (*Iain-lain tempat*)

Rancangan itu adalah berkaitan dengan bahagian kawasan itu (*nama pihak berkuasa perancang tempatan*) yang umumnya dikenali sebagai (*nama bahagian itu*)

Bantahan terhadap atau rayuan berkenaan dengan rancangan itu boleh dibuat secara bertulis kepada pihak berkuasa perancang tempatan sebelum⁺ (*tarikh*)

Bantahan dan rayuan itu hendaklah dialamatkan kepada (*pegawai dan alamat pihak berkuasa perancang tempatan*)

Bantahan dan rayuan itu hendaklah menyatakan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dan alasan-alasan atas mana bantahan dan rayuan itu dibuat.

Tarikh

METERI.....

Pegawai Berkuasa

⁺ Tarikh ini tidak boleh lebih awal daripada empat minggu daripada tarikh di atas untuk pemeriksaan.

BORANG 5

[Kaedah 31 (2)]

NOTIS PENYIASATAN ATAU PEMBICARAAN TEMPATAN BERKENAAN DENGAN DRAF RANCANGAN TEMPATAN

(Tajuk Draf Rancangan Tempatan)

Suatu *penyiasatan / pembicaraan tempatan akan diadakan di (*tempat*) pukul
..... (*waktu*) pada (*tarikh*) bagi maksud menimbangkan bantahan
